

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 JANUARI 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
CAPAIAN : <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/01/915279/syarikat-malaysia-sedar-kepentingan-esg>

Syarikat Malaysia sedar kepentingan ESG



KUALA LUMPUR: Kebanyakan syarikat Malaysia menyedari bahawa prestasi dalam pelaksanaan amalan alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) adalah penting untuk mendapatkan akses pembiayaan antarabangsa.

Pengarah Ekonomi Jabatan Perdana Menteri, Shahril Sufian Hamdan, berkata berdasarkan kaji selidik bersama Google dan Impax terhadap tingkah laku pelabur ke arah Persidangan Iklim Paris 2015 (COP21), 70 peratus daripada responden bimbang dengan perubahan iklim, manakala 33.5 peratus mendakwa mendedikasikan pelaburan ke arah syarikat ESG.

"Kita melihat kebanyakan syarikat tempatan sedar betapa pentingnya ESG untumpelbagai aspek termasuk mendapatkan pembiayaan antarabangsa sama ada pinjaman, pelaburan, insurand atau produk lain," katanya ketika menyampaikan ucapan pada sesi perkongsian Pengerusi ke-4 Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi MDV, Khairul Azwan Harun; dan Ketua Pegawai Eksekutif MDV, Nizam Mohamed Nadzri.

Shahril Sufian berkata, di peringkat nasional, syarikat tempatan tidak dapat mengelakkan kesan pematuhan bukan ESG daripada sekatan oleh negara asing dan pelabur.

"Agenda ESG jauh lebih daripada sekadar aspirasi dan masa depan. Kita mesti bertindak hari ini. Kos mengabaikan ESG terlalu besar untuk diketepikan. Adalah penting untuk kita bercakap tentang ESG dari segi kewajipan moral.

"Di peringkat antarabangsa, kajian lima tahun oleh Bank of America pada 2019 menunjukkan bahawa syarikat S&P dengan pelbagai kontroversi berkaitan ESG mengalami kejatuhan nilai pasaran saham mereka sebanyak kira-kira AS\$534 bilion.

"Skandal perubahan iklim, tuntutan gangguan seksual, persaingan tidak adil dan ketidakpatuhan peraturan hanyalah beberapa kes ESG yang memberi kesan buruk kepada penilaian korporat," katanya.

Beliau berkata, Rangkaian Penyelesaian Pembangunan Lestari (SDSN) telah meletakkan Malaysia pada kedudukan 65 daripada 193 pada Indeks SDG 2021, turun daripada 60 pada 2020 dan berada di bawah Thailand (43) dan Vietnam (51), tetapi mendahului Singapura (76), Brunei (84) dan Indonesia (97).

"Di sebalik masalah langsung kehilangan reputasi dan kepentingan tinggi dalam peralihan tempahan pengeluaran keluar dari Malaysia ke negara jiran kita, kejahilan terhadap ESG akan menjejaskan kemampuan dan potensi pertumbuhan perniagaan kerana akses terhad kepada modal," katanya.